

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI BANK PERTANIAN MALAYSIA CAWANGAN SELAMA,  
PERAK DARUL RIDZUAN

RAFIDA BT SHAHARUDDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

2007



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BANK PERTANIAN MALAYSIA CAWANGAN SELAMA,  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**RAFIDA BINTI SHAHARUDDIN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran**

**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**

**Universiti Malaysia Terengganu  
(UMT)**

**2007**

1100063828



## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **RAFIDA BINTI SHAHARUDDIN ( UK11135 )** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4992 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



.....

Nama : **RAFIDA BINTI SHAHARUDDIN**

Tarikh: 20/11/2007

Disahkan oleh:

.....

**PUAN NIK HAZIMAH BINTI NIK MAT**

Penyelia UMT

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu.

## PENGHARGAAN



Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya terhasillah laporan latihan industri ini. Latihan industri ini membuktikan bahawa pelatih telah melaksanakan tanggungjawab pelatih sebagai seorang pelajar yang menjalani latihan industri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Usaha menghasilkan laporan latihan industri ini memerlukan banyak kesabaran dan semangat ketekunan di mana ia melibatkan banyak pihak secara amnya. Penghasilan laporan ini memberikan kesedaran kepada pelatih betapa pentingnya pengurusan masa dengan bijak. Dengan ini, setinggi penghargaan diberikan kepada pihak Bank Pertanian Malaysia Cawangan Selama, Perak kerana sudi memberi peluang kepada pelatih menjalani latihan industri selama tiga bulan, terutamanya kepada pengurus cawangan iaitu En. Shaifuddin Bin Awang yang telah memberi reaksi yang positif sewaktu di awal latihan pelatih di BPM. Tidak lupa juga kepada semua kakitangan Bank Pertanian Malaysia Cawangan Selama yang tidak jemu memberi tunjuk ajar dan ilmu kepada pelatih. Mereka inilah di antara pihak yang banyak membantu pelatih daripada segala hal sehingga pelatih dapat melakukan ke semua tugas yang diberikan dengan sempurna, daripada perkara yang kecil sehinggalah ke perkara yang besar.

Di samping itu, pelatih juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada unit latihan industri yang terlibat serta para pensyarah Universiti Malaysia Terengganu terutama sekali kepada penyelia industri pelatih iaitu Puan Nik Hazimah Binti Nik Mat kerana telah memberikan garis panduan untuk pelatih menyempurnakan latihan industri ini. Tidak lupa juga kepada Cik Zuha Rosufila Binti Hasan yang juga turut membantu memberi panduan dan tunjuk ajar sepanjang menyempurnakan laporan ini.

Pada kesempatan ini, pelatih juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga yang turut memberi sumbangan dari segi kos dan memberi dorongan kepada pelatih dalam menyediakan laporan ini. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan dan orang perorangan yang tidak jemu berkongsi idea dan pengalaman mereka untuk menjayakan penulisan laporan ini.

Akhir sekali ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Tanpa sokongan semua pihak, tidak mungkin laporan ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Wassalam

**RAFIDA BT SHAHARUDDIN**

## ISI KANDUNGAN

<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>M/S</b>
<b>PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>iii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI GAMBARAJAH.....</b>	<b>viii</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF.....</b>	<b>x</b>

### BAB SATU : LATAR BELAKANG ORGANISASI / SYARIKAT

1.1	Pengenalan.....	1
	1.1.1 Sejarah .....	2
1.2	Maklumat Organisasi.....	4
	1.2.1 Wawasan Bank Pertanian Malaysia .....	5
	1.2.2 Misi Bank Pertanian Malaysia.....	5
	1.2.3 Objektif Bank Pertanian Malaysia.....	6
1.3	Carta Organisasi.....	7
	1.3.1 Bahagian-bahagian Dalam Bank Pertanian Malaysia Cawangan Selama, Perak.....	8
1.4	Aktiviti Organisasi.....	11
	1.4.1 Produk Dan Perkhidmatan.....	13
	1.4.2 Analisis SWOT.....	14
1.5	Kemahiran Yang Dipelajari.....	16



**BAB DUA : MENGENALPASTI SISTEM SEDIA ADA,  
MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1	Pengenalan.....	20
2.2	Sistem 1: Carta Aliran Sistem Pendaftaran Surat Masuk Atau Keluar.....	21
2.2.1	Penerangan Sistem.....	22
2.2.2	Objektif Sistem.....	24
2.2.3	Masalah.....	25
2.2.4	Cadangan Penyelesaian.....	27
2.2.5	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	30
2.3	Sistem 2 : Carta Aliran Sistem Pemprosesan Pinjaman Modal Usahawan Tani (MUST).....	32
2.3.1	Penerangan Sistem.....	33
2.3.2	Objektif Sistem.....	36
2.3.3	Masalah.....	36
2.3.4	Cadangan Penyelesaian.....	38
2.3.5	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	45
2.4	Sistem 3 : Carta Aliran Sistem Pengendalian Mesin ATM.....	46
2.4.1	Penerangan Sistem.....	47
2.4.2	Objektif Sistem.....	49
2.4.3	Masalah.....	49
2.4.4	Cadangan Penyelesaian.....	51
2.4.5	Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi.....	57



**BAB 3 : PENUTUP**

3.1	Kesimpulan.....	59
3.2	Implikasi.....	62
3.3	Cadangan Kepada Latihan Industri.....	64

<b>RUJUKAN.....</b>	<b>69</b>
---------------------	-----------

<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>72</b>
----------------------	-----------

**SENARAI JADUAL**

Analisis SWOT.....	15
--------------------	----

**SENARAI GAMBARAJAH**

Carta Organisasi Bank Pertanian Malaysia Cawangan Selama, Perak Darul Ridzuan.....	7
Carta Aliran Sistem Pendaftaran Surat Masuk Atau Keluar.....	21
Carta Aliran Sistem Pemprosesan Pinjaman Modal Usahawan Tani (MUST) .....	32
Carta Aliran Sistem Pengendalian Mesin ATM.....	46

## SENARAI LAMPIRAN

- Kenangan Semasa Di Bank Pertanian Malaysia Selama, Perak
- Slide PowerPoint Pembentangan Laporan Latihan Industri
- Bijak Menabung Bersama Patriot
- Tabung Industri Kecil Dan Sederhana
- Akaun Simpanan Al-Mudharabah
- Hartani-i
- MEPS
- Kemudahan Pembayaran Bil
- Modal Usahawan Tani (MUST)
- Skim 3F
- Kontrak Tani
- Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)
- Permohonan Membuka Akaun
- Borang Permohonan Pembukaan Akaun
- Borang Permohonan Kad ATM
- Borang Penamaan
- Biro Perkhidmatan Angkasa
- Pemindahan Antara Akaun
- Pengeluaran Wang Tunai / Cek
- Penerimaan Wang Tunai / Cek
- Pergerakan Wang Tunai Dalam Cawangan
- Deposit Wang Tunai / Cek
- Borang Permohonan Pinjaman MUST
- Pembiayaan Peribadi Bai' Al-Inah

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) telah diwajibkan menjalani latihan industri selama tiga bulan iaitu bermula pada 16 April sehingga 6 Julai 2007 dan pelatih telah memilih organisasi Bank Pertanian Malaysia cawangan Selama, Perak Darul Ridzuan sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri tersebut. Bank Pertanian Malaysia cawangan Selama merupakan organisasi yang telah ditubuhkan di bawah Akta Parlimen 9/69 pada 1 September 1969 dan mula beroperasi pada tahun 1970. Sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian, Bank Pertanian Malaysia bertanggungjawab untuk mengatur, memberi, menyelia, dan melaraskan bantuan kredit bagi maksud-maksud pertanian dalam Malaysia. Bank ini merupakan sebuah organisasi yang mampu dan telah menunjukkan kejayaannya dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan yang berurusan dengan bank tersebut. Oleh yang demikian, selama tiga bulan menjalani latihan industri di organisasi tersebut, pelatih telah diberi tunjuk ajar bagaimana untuk menjadi seorang pekerja yang melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi.

Menerusi Latihan Industri ini, pelatih didedahkan kepada beberapa pendekatan supaya segala tugas yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Salah satu pendekatan yang sering dilakukan adalah pelatih akan diberi taklimat mengenai tugas dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan di setiap bahagian. Pelatih diberi kepercayaan dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan seperti mana para pekerja yang lain. Daripada tugas yang dilakukan, pelatih telah mendapat pelbagai kemahiran serta maklumat dan pandangan yang berkaitan samada daripada kakitangan pekerja Bank Pertanian Malaysia cawangan Selama mahupun para pelanggan Bank Pertanian Malaysia sendiri.

Semasa tempoh menjalani latihan industri, pelatih telah mengesan beberapa sistem sedia ada yang terdapat dalam organisasi. Antaranya di bahagian pentadbiran terdapat satu sistem yang digunakan untuk pengurusan surat menyurat iaitu Sistem Pendaftaran Surat Masuk / Keluar. Selain itu, pelatih juga dapat mengenalpasti dua sistem yang digunakan oleh Bank Pertanian Malaysia cawangan Selama iaitu Sistem Pemprosesan Pinjaman Modal Usahawan Tani (MUST) dan Sistem Pengendalian Mesin ATM. Pelatih juga telah memberikan beberapa cadangan penyelesaian yang mana akan dapat digunakan oleh pihak pengurusan dalam penyelesaian masalah-masalah yang timbul. Ini akan meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan organisasi dan juga supaya pengurusan di dalam organisasi dapat berjalan dengan lancar. Ini akan mewujudkan sebuah organisasi yang lebih dinamik serta sistematik.